



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PERSEDIAAN KKR DAN JKR MENGHADAPI MUSIM PERALIHAN MONSUN

**KUALA LUMPUR** – Menurut laporan cuaca yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, negara dijangkakan berada dalam fasa akhir Monsun Barat Daya pada bulan September 2023 dan dijangka akan memasuki fasa Monsun Timur Laut (MTL) pada bulan November 2023 sehingga Februari 2024. Antara impak peralihan monsun ini ialah peningkatan sebanyak 20% hingga 40% daripada purata jumlah hujan jangka panjang.

Perubahan cuaca ini berkemungkinan memberi kesan terhadap infrastruktur awam seperti jalan raya, jambatan dan lebuhraya berikutan jangkaan peningkatan jumlah hujan. Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan agensinya, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bersiap siaga bagi memastikan jaringan perhubungan rakyat tidak terjejas, sekaligus keselamatan pengguna dapat dipertingkatkan.

Ini selaras dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) 20, dimana JKR dipertanggungjawabkan untuk menyediakan kenderaan dan tenaga kerja untuk kerja-kerja penyelenggaraan tempat kejadian bencana dan logistik pengangkutan. JKR juga berperanan menyediakan tempat berlindung sementara seperti kanopi atau khemah, menyediakan perkhidmatan teknikal dan kepakaran dalam bidang kejuruteraan forensik, geoteknik, struktur dan lain-lain seperti kejadian tanah runtuh dan kegagalan struktur bangunan atau tanah serta melaksanakan penilaian kerosakan infrastruktur awam akibat bencana.

Sebanyak 2580 aset jentera (aset Persekutuan dan Negeri) seperti kenderaan pacuan empat roda, jentera kaut, lori muatan tiga dan lima tan, jentera penyodok telah bersedia untuk digerakkan bagi tujuan pengangkutan petugas dan misi bantuan, pemantauan, pemulihan dan pemberian infrastuktur, pemberian cerun serta pemindahan mangsa.

Cawangan Kejuruteraan Cerun, JKR juga akan memeriksa dan memastikan sistem saliran cerun dalam keadaan baik dan mengenalpasti tanda-tanda awal kegagalan cerun di sepanjang jajaran jalan persekutuan dan negeri. Cerun-cerun yang berkategori Risiko Tinggi dan Sangat Tinggi yang dikenalpasti akan diberi perhatian serta kekerapan rondaan dan pemeriksaan akan dipertingkatkan.

Sebanyak 35 bilangan stesen tolok hujan di cerun kritikal sepanjang Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Pahang, Kelantan, Kedah, Perak dan Selangor) telah diselenggara dan berfungsi dalam keadaan baik. Had amaran semasa akan dipaparkan di laman web Sistem Amaran Awal Cerun JKR. Amaran melalui sistem pesanan ringkas akan diterima apabila kadar hujan melebihi nilai ambang sebagai amaran awal tanah runtuh. Manakala untuk Sabah dan Sarawak, sebanyak 12 stesen tolok hujan sedang dalam permohonan kelulusan peruntukan oleh Kementerian

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

🌐 [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) 📧 [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) 🌐 [KKR\\_MALAYSIA](#) 🌐 [@MOWORKS](#) 🌐 [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Kewangan.

KKR turut bersiap siaga menggerakkan aset Jambatan Panel Keluli Bermodular (JPKB) atau 'Bailey Bridge', yang merupakan jambatan sementara yang boleh dipasang siap dalam tempoh minimun 36 jam sebagai laluan alternatif bagi menghubungkan kawasan yang terputus akibat bencana. Jambatan ini merupakan antara aset penting di KKR yang terbukti berkesan dalam usaha kementerian mengambil tindakan pantas dalam berhadapan dengan situasi bencana alam.

Pada ketika ini, JKR mempunyai jumlah simpanan JPKB berkepanjangan 1960 kaki, yang disimpan di tujuh (7) stor penyimpanan di seluruh Semenanjung Malaysia meliputi zon utara, tengah, selatan dan timur iaitu di Alor Star (Kedah), Kinta (Perak), Petaling (Selangor), Kuala Pilah (Negeri Sembilan), Johor Bahru (Johor), Temerloh (Pahang) dan di Machang, (Kelantan).

Bagi aset jambatan dan pembetung pula, penyenggaraan rutin dilakukan mengikut jadual dan kitaran yang ditetapkan seperti pembersihan laluan air, tumbuh-tumbuhan, puing dalam pembetung, pemeriksaan pengesahan aset jambatan dan pembetung yang mengalami kerosakan/kegagalan, penyediaan cadangan pambaikan alternatif dan seterusnya melaksanakan kerja – kerja pumbaikan segera.

JKR juga akan mengaktifkan prosedur operasi standard (SOP) bagi jalan raya yang terjejas akibat bencana dengan melaksanakan penutupan jalan secepat mungkin bagi memastikan keselamatan pengguna jalan raya, memberi amaran bencana kepada orang ramai, menyediakan laluan alternatif, membina lencongan jalan dan melaksanakan kerja – kerja pumbaikan atau pembinaan kekal (pasca bencana).

Maklumat status kejadian bencana jalan raya boleh diperolehi di portal bencana JKR di alamat: [www.bencanaalam.jkr.gov.my](http://www.bencanaalam.jkr.gov.my) dan melalui laman twitter di @JKRMalaysia, @CSFJ\_JKR dan facebook Jabatan Kerja Raya Malaysia serta boleh menghubungi talian Hotline Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) 03-26107559/7727. BiGBen berfungsi sebagai pusat sehenti bagi pengurusan maklumat kejadian bencana seperti banjir, cerun runtuh, jalan runtuh, jalan mendap dan jambatan rosak serta runtuh, yang melibatkan jalan raya dibawah seliaan JKR iaitu Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri di seluruh Malaysia.

Para pengguna juga boleh menyalurkan sebarang kerosakan jalan raya yang terjejas akibat MTL melalui aplikasi aduan MyJalan yang boleh didapati secara percuma dengan memuat turun daripada App Store untuk sistem operasi iOS, Play Store untuk pengguna sistem operasi Android dan Huawei AppGallery untuk pengguna Huawei. Terdapat beberapa langkah mudah dalam menggunakan aplikasi ini di mana pengguna hanya perlu menghantar foto dan lokasi aduan, memilih jenis aduan, mengisi maklumat aduan dan seterusnya menghantar aduan tersebut secara atas talian.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

⊕ WWW.KKR.GOV.MY ⊕ PRO@KKR.GOV.MY ⊕ KEMENTERIAN KERJA RAYA ⊕ KKR\_MALAYSIA ⊕ @MOWORKS ⊕ KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Aplikasi ini telah diperkenalkan secara rasmi sewaktu pelancaran Kempen MY Jalan oleh YAB Dato' Seri Anwar Bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia pada 24 Ogos 2023 dimana kempen ini bertujuan meningkatkan akauntabiliti dalam kalangan pengguna jalan raya, pemain industri dan agensi kerajaan bahawa jalan raya adalah tanggungjawab bersama selain menjadi platform advokasi dan juga pendedahan kepada pengguna jalan raya tentang penyenggaraan jalan raya sedia ada.

KKR menasihatkan orang awam sentiasa berhati-hati sewaktu musim peralihan monsun ini dan sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa serta papan tanda amaran yang telah dipasang oleh JKR. Pengguna jalan raya turut diminta agar sentiasa berwaspada dan peka sewaktu melalui kawasan yang berisiko.

**DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI  
MENTERI KERJA RAYA  
27 SEPTEMBER 2023**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

✉ [WWW.KKR.GOV.MY](http://WWW.KKR.GOV.MY) ✉ [PRO@KKR.GOV.MY](mailto:PRO@KKR.GOV.MY) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA](#) ✉ [KKR\\_MALAYSIA](#) ✉ [@MOWORKS](#) ✉ [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](#)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur